

| | | | |
|-------------|---------------------|------------|----------------|
| Headline | Najmi dipanggil | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 06 Mar 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 112,705 | Readership | 338,115 |
| Section | Arena | Page No | 75 |
| ArticleSize | 348 cm ² | Journalist | Saiful Affendy |
| PR Value | RM 41,127 | | |



“Sudah tentu saya amat bersyukur kerana dipanggil semula ke dalam kem latihan skuad negara

Muhammad Najmi Farizal Jazlan

Najmi dipanggil

■ Pakar pukulan sudut penalti perkuat skuad hoki kebangsaan

Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas berehat selama lapan bulan, pakar pukulan sudut penalti, Muhammad Najmi Farizal Jazlan kembali dipanggil untuk menyertai kem latihan skuad kebangsaan.

Najmi yang meninggalkan skuad negara secara mengejut Julai tahun lalu berada dalam senarai 28 pemain yang dipilih oleh ketua jurulatih, Roelant Oltmans.

Aksi cemerlangnya membantu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) memenangi Liga Perdana di saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) serta naib juara Piala TNB dilihat menjadi faktor utama mengapa Oltmans kembali memanggilnya semula ke dalam kem latihan skuad kebangsaan.

“Sudah tentu saya amat bersyukur kerana dipanggil semula ke dalam kem latihan skuad negara. Sebelum ini saya meninggalkan pasukan kerana ada masalah peribadi. Urusan itu sudah selesai dan sekarang saya boleh fokus semula bersama skuad kebangsaan.

“Saya dipilih semula mungkin kerana beraksi baik pada saingan liga. Saya harap dapat terus terpilih untuk



NAJMI (dua dari kanan) dipanggil Oltmans serta latihan bersama skuad hoki kebangsaan.

beraksi di Piala Sultan Azlan Shah dan kejohanan yang lain selepas ini,” kata Najmi yang terlepas untuk beraksi di Sukan Asia Indonesia serta Piala Dunia di Bhubaneswar, India sepanjang meninggalkan skuad kebangsaan.

Ketika Najmi dilihat pilihan tepat untuk disenaraikan dalam skuad negara, masih ada keraguan terhadap pemilihan pemain lain seperti Joel Van Huizen yang tidak menyerlah pada saingan liga.

Oltmans juga menyenaraikan empat pemain baharu iaitu Mohamad Akhimullah Anuar Esook, Muhammad Arif Syafie Ishak, Muhammad Noor Firdaus Rosdi dan Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal.

Semua pemain negara akan menyertai kem latihan di Kuantan Pahang bermula 10 hingga 16 Mac 2019.

Skuad negara akan menghadapi saingan Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh pada 23 hingga 30 Mac dan Pusingan

Akhir Siri FIH di Kuala Lumpur pada 26 April hingga 4 Mei 2019.

Sementara itu, skuad hoki wanita negara bakal melalui lima perlawanan persahabatan dengan pasukan ranking kesembilan dunia, India pada April depan.

Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal yang mengesahkan perkara itu berkata, lima perlawanan itu akan dilangsungkan di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil.